A

**PP**

**lwn.**

**KUMARAN SAPPANI & SATU LAGI**

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ZAKARIA SAM H
[PERBICARAAN JENAYAH PERAK NO: 45-1-05]
16 JUN 2008

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Kanun Keseksaan - Seksyen 302 - Bunuh - Prima facie - Sama ada terbukti - Sama ada terdapat kes prima facie terhadap tertuduh pertama - Sama ada tertuduh pertama sebagai penyerang utama mempunyai niat untuk menyebabkan kematian simati - Sama ada motif pembunuhan jelas - Sama ada terdapat*
D *keterangan bahawa tertuduh kedua terlibat sama dalam melakukan pembunuhan - Sama ada ujudnya niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan - Sama ada tertuduh kedua dibebaskan dari pertuduhan - Pembelaan tertuduh pertama - Sama ada penafian semata-mata - Sama ada pihak pembelaan gagal menimbulkan sebarang keraguan yang*
E *munasabah ke atas hak pendakwaan - Kanun Acara Jenayah, s. 182A*

***KETERANGAN:*** *Pernyataan - Saksi - Kredibiliti - Sama ada demeanour saksi menunjukkan beliau bercakap benar - Sama ada keterangan dicabar oleh pembelaan - Sama ada saksi rakan sejenayah*
F *ataupun 'accessory after the fact' - Sama ada saksi terlibat dalam pembunuhan - Dakwaan saksi mabuk semasa kejadian - Sama ada material - Sama ada keterangan saksi konsisten dan disokong oleh saksi-saksi lain - Sama ada terdapat kes prima facie terhadap tertuduh pertama*

G ***KETERANGAN:*** *Saksi - Kegagalan memanggil saksi tertentu - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai - Sama ada wujudnya lampang (gap) dalam kes pendakwaan*

Tertuduh pertama ('T1') dan tertuduh kedua ('T2') telah di
H hadapkan dengan pertuduhan melakukan satu pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas satu Suppiah Kamaraj ('simati') dan dengan itu telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama dan dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan. T1 dan T2
I adalah adik-beradik dan simati adalah adik ipar mereka. Kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP12 yang bekerja sebagai pencuci kereta di syarikat mencuci kereta

kepunyaan SP5, bapa kepada T1 dan T2. Menurut keterangan SP12, pada hari kejadian itu, beliau bersama-sama T1, T2, simati dan satu Lim Tee San ('Lim'), selepas memakan malam dan meminum whiski, telah berada di dalam satu pick-up truck menuju ke arah jambatan Selama Kedah/Perak di kawasan Perak. SP12 memberi keterangan bahawa beliau sedang berbaring di bahagian belakang pick-up truck yang dipandu oleh T1 dan telah merasakan kenderaan tersebut jalan terhoyong-hayang dan mempercayai pick up ikut jalan track, melalui satu kawasan gelap. SP12 menyatakan bahawa apabila sampai di satu tempat, pick-up truck telah berhenti dan melalui cahaya lampu parking pick-up, beliau telah melihat T1 berada di luar pick up di sebelah kanan si mati menghayunkan objek. SP12 menyatakan bahawa ketika itu si mati terbaring di kerusi belakang kepala menghala ke pintu kanan dan T1 telah menghayunkan objek itu lebih dari sekali dan selepas itu T1, T2 dan satu Lim Tee San telah angkat badan simati keluar dari kabin pick-up dan letaknya di tepi jalan. Menurut SP12, selepas meletakkan simati di tepi jalan T1 telah memandu pick-up dan beredar dari situ. Isu-isu yang bangkitkan adalah (i) kredibiliti SP12 sebagai saksi; (ii) adakah SP12 rakan sejenayah ataupun 'an accessory after the fact'; (iii) percanggahan keterangan SP12 dengan keterangan SP15, D4, D3 dan D2; (iv) sama ada niat membunuh dan motifnya terbukti; (v) sama ada pembelaan tertuduh hanya satu penafian; (vi) sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai; (vii) sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes terhadap tertuduh.

**Diputuskan:**

**(1)** Dari pengamatan mahkamah selepas SP12 disoal balas dan meneliti demeanour SP12 ketika memberi keterangan, mahkamah berpuashati SP12 adalah seorang saksi yang bercakap benar. Keterangannya adalah jelas dan tegas. Beliau hanya memberitahu apa yang beliau lihat dan dengar. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan dari keputusan kes ini. Kredibilitinya sebagai saksi langsung tidak tergugat. Keputusan DNA juga menyokong keterangan SP12 yang beliau melihat T1 berdiri di luar sebelah kanan pick-up menghayun objek seperti kayu atau besi di dalam kabin tempat duduk belakang pick up. Ketika itu pintu belakang kiri dan kanan pick up terbuka. Simati ketika itu berbaring di tempat duduk belakang dengan kepala menghala ke pintu kanan. Keterangan SP12 juga diperkukuhkan lagi dengan gambar P3K dan T1 yang menunjukkan buku yellow pages P23A yang mengandungi

A percikan darah simati di belakang tempat duduk pemandu iaitu di sebelah kanan di mana kepala simati berada. Keterangan ini tidak dicabar oleh pembelaan. (perenggan 23, 24, 25, 26, 27, 28 & 29)

B **(2)** SP12 bukanlah seorang rakan sejenayah ataupun 'accessory after the fact' yang keterangannya memerlukan keterangan sokongan. Ini kerana SP12 tidak terlibat langsung dalam pembunuhan simati sama ada sebelum, semasa ataupun selepas kejadian bunuh berlaku. Tidak ada mana-mana saksi
C pendakwaan mahupun pembelaan yang mengatakan SP12 terlibat dalam kejadian bunuh tersebut. Malah T1 dan T2 tidak ada menuduh pembabitan SP12 dalam kejadian bunuh tersebut. (perenggan 32)

D **(3)** Walaupun SP12 dikatakan mabuk keterangan kenyataan Lim Tee San dan percakapan beramaran kedua-dua T1 dan T2 menyokong keterangan SP12 dari mula hinggalah sampai ke tempat kejadian. Ini menunjukkan walaupun SP12 mabuk sehingga terjatuh di tepi jalan tetapi beliau masih boleh melihat,
E berfikir dan mengingati dengan jelas kejadian yang berlaku. Oleh itu keterangan yang mengatakan SP12 mabuk sehingga terjatuh di tepi jalan adalah tidak begitu material. Yang penting ialah keterangan beliau sentiasa konsisten dan disokong saksi-saksi lain termasuk T1 dan T2. (perenggan 33, 34, 35 & 36)

F **(4)** Menurut laporan bedah siasat, kecederaan yang menyebabkan kematian ialah tengkorak si mati patah terbenam sekaligus mengoyakkan otaknya di bahagian tersebut. Kecederaan ini adalah akibat daripada daya hentakan yang kuat dari suatu objek yang tumpul, keras dan mempunyai segi seperti batu,
G kayu atau besi. Selain dari itu, terdapat enam kecederaan di bahagian kepala simati dan terdapat juga 'defensive wounds' yang menunjukkan simati mempertahankan diri semasa pembunuh menyerangnya. Ini menunjukkan penyerang mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati.
H Walaupun motif pembunuhan tidak jelas namun ianya bukanlah satu intipati yang wajib dibuktikan oleh pendakwaan kerana motif adalah dalam pengetahuan khas pesalah. Kewujudan motif hanyalah faktor penyokong kepada kes pendakwaan. (perenggan 39, 40, 41 & 42)

I

**(5)** Melalui keterangan-keterangan yang diberi oleh SP12 dan Lim serta percakapan beramaran T1 dan T2, serta gambar-gambar yang berkenaan, serta keterangan anggota-anggota polis di sekatan jalanraya, jelas menunjukkan simati terbaring di tempat duduk di belakang T1. T1 dilihat menghayun objek ke arah tempat duduk belakang dan hanya simati berada di tempat duduk belakang. Kesimpulan yang dibuat ialah yang dipukul oleh T1 di tempat duduk belakang itu ialah simati. Mahkamah berpuas hati bahawa terdapatnya kes *prima facie* terhadap T1. Bagaimanapun, tidak ada keterangan bahawa T2 terlibat sama dalam melakukan pembunuhan tersebut. Tiada bukti ujudnya perancangan awal (pre-plan) di antara T1 dan T2 dalam melakukan kesalahan tersebut. Malah menurut SP12, T2 sentiasa berada bersama-samanya di belakang pick-up ketika kejadian bunuh berlaku. Mahkamah memutuskan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan ujudnya niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan. Mahkamah membebaskan T2 dari pertuduhan ini. (perenggan 44, 45 & 46)

**(6)** Adalah jelas pembelaan T1 ialah satu penafian semata-mata. Beliau menafikan telah mencederakan simati seperti yang diberitahu oleh SP12 kepada mahkamah. Bagaimanapun T1 semasa disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya telah mengesahkan bahawa SP12 tidak mempunyai sebab untuk menganiayanya. Bagi keterangan T2 pula, jelas jawapan-jawapannya sepatutnya 'tidak tahu' bukannya 'tidak ada' kerana beliau mengatakan bahawa beliau tertuduh dan tidak mengetahui apa yang berlaku. Bermakna keterangan T2/SD2 adalah bohong belaka jelas menunjukkan T2/SD2 adalah saksi yang berkepentingan yang ingin menyelamatkan T1 (adiknya) dari pertuduhan yang begitu serius. (perenggan 53, 65 & 66)

**(7)** Sebelum s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai pihak pembelaan perlu menunjukkan apakah lompang (gap) telah wujud dalam kes pendakwaan apabila Lim gagal dipanggil memberi keterangan. Ini gagal dilakukan oleh pihak pembelaan. Sebaliknya kenyataan oleh Lim menyokong keterangan SP12 mengenai rentetan kejadian pada hari kejadian. Cuma apabila sampai di peringkat pembunuhan simati, Lim telah menjauhkan dirinya dari kejadian itu. Ini tidak membantu kes pembelaan. T1 sendiri tidak ada pada bila-bila masapun melibatkan peranan Lim dalam kejadian tersebut. Berdasarkan alasan-

A alasan di atas mahkamah menolak pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan ke atas kes pendakwaan apabila Lim gagal dipanggil atau ditawarkan secara fizikal kepada pihak pembelaan. (perenggan 71)

B **(8)** Pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Dengan ini pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka terhadap T1 tanpa sebarang keraguan yang munasabah seperti yang dituntut di bawah s.182A Kanun Acara Jenayah. Dengan ini
C T1 didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan pindaan. Mahkamah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas T1. (perenggan 73)

*[Perintah seharusnya.]*

D **Kes-kes yang dirujuk:**
*Balasingam v. PP [1959] 25 MLJ 193*
*Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 MLJ 232*
*Francis Anthonysamy v. PP [2005] 2 CLJ 481 FC*
*Harcharan Singh & Anor v. PP [2005] 1 CLJ 11 CA*
E *Kenneth Fook Mun Lee v. PP [2006] 4 CLJ 359 FC*
*Looi Kow Chaf & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA*
*PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC*

**Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, s. 182A
F Evidence Act 1950, ss. 112, 114(g)
Penal Code, s. 34

*Bagi pihak - Norazura Mokhtar (Hamdan Hamzah DPP bersamanya)*
*Bagi pihak - Naran Singh; M/s Naran Singh & Co*

G *Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin*

## PENGHAKIMAN

H **Zakaria Sam H:**

**[1]** Tertuduh pertama (selepas ini disebut 'T1') dan tertuduh kedua (selepas ini disebut 'T2') telah dihadapkan dengan pertuduhan seperti berikut:

I

Bahawa kamu dengan niat bersama-sama pada 21 Mei 2003 jam lebihkurang 11.30 malam hingga 22 Mei 2003 jam lebih kurang 7.00 pagi bertempat di hadapan pintu pagar Ladang Gagoss Sdn. Bhd. Jalan Lampin, Selama di dalam daerah Larut Matang (Selama) dalam Negeri Perak, telah melakukan satu pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas Suppiah Kamaraj, No. KP: R 356565. Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama dan dibaca bersama-sama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

**[2]** T1 dan T2 adalah adik beradik dan simati adalah adik ipar mereka.

**[3]** Kedua-dua tertuduh diwakili oleh peguam yang sama iaitu En. Naran Singh.

## Kes Pendakwaan

**[4]** Kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP12 iaitu Zainol bin Saad.

**[5]** SP12 bekerja sebagai pencuci kereta di syarikat mencuci kereta kepunyaan SP5 iaitu bapa kepada T1 dan T2.

**[6]** Menurut SP12 pada petang kejadian (21 Mei 2003) jam 5.50 petang, di atas ajakan T1, beliau, T2, simati, Lim Tee San (Lim) dan T1 telah membersihkan kawasan belukar di tapak baru kedai tuak kepunyaan SP5 di Selama, Perak. Mereka menaiki truck pick-up warna putih.

**[7]** Selepas berhenti menebas SP12, T2 dan simati telah minum wiski yang dibawa oleh T1.

**[8]** Masuk waktu maghrib mereka berlima ke kedai makan di Selama, Kedah untuk makan. Lebihkurang jam 9 malam mereka berhenti pula di kedai makanan laut di Serdang, Kedah. Mereka makan lagi dan minum wiski. T1 yang belanja makan. Yang minum wiski ialah SP12, T2 dan simati. T1 dan Lim minum air biasa. Hampir tengah malam mereka berlima beredar dari kedai seafood itu.

**[9]** Selanjutnya menurut keterangan SP12:

A Masa beredar simati dalam keadaan mabuk.

Dari situ kami menuju ke Selama semula. T1 memandu, Lim duduk disebelahnya, simati duduk di belakang pemandu – ia baring di seat belakang. Saya dan T2 duduk di belakang – tempat terbuka. Saya dan T2 baring di belakang pick-up.

B

Bila sampai di jambatan Selama, Kedah/Perak, di kawasan Perak, saya terkejut bila dengar pintu pick-up ditutup kuat. Saya bangun dan lihat ada polis road block. Pick-up sudahpun berhenti. Tidak lama kemudian pick-up pun beredar. Saya rasa pick-up jalan terhoyong-hayang. Saya percaya pick-up ikut jalan track, melalui satu kawasan gelap.

C

Bila sampai di satu tempat pick-up itu berhenti. Melalui cahaya lampu parking pick-up saya lihat seseorang menghayun objek di dalam kabin dan diikuti dengan suara jeritan – 'ayo', 'ayo'. Orang yang menghayun objek itu ialah T1. T1 ketika itu berdiri di sebelah tempat pemandu. Objek tidak pasti tetapi seperti kayu atau besi lebihkurang 1 kaki panjang. Saya tidak pasti T1 menghayun objek itu dengan tangan mana.

D

Semasa T1 menghayun objek itu, T1 di tempat duduk di kanan sebelah pemandu.

E

Semasa pick-up berhenti saya lihat T1 berada di luar pick-up di sebelah kanan simati menghayunkan objek. T1 sedang berdiri di sebelah tepi pick-up. Simati di dalam kabin di sebelah belakang. Ketika itu pintu belakang sebelah kiri dan kanan terbuka.

F

Simati terbaring di seat belakang kepala menghala ke pintu kanan.

T1 menghayunkan objek itu lebih dari sekali.

Lim ketika itu berdiri di sebelah kiri pick-up di hujung kaki simati. T2 ketika itu berada di belakang bersama saya.

G

Semasa T1 menghayunkan objek saya cuma lihat Lim berdiri saja di hujung kaki simati.

Selepas T1 menghayun objek beberapa kali saya dengar Lim berteriak 'Ane mari tolong angkat' kepada T2 yang berada di belakang pick-up. Saya lihat Lim, T2 dan T1 angkat badan simati keluar dari kabin pick-up dan letak di tepi jalan.

H

Masa kejadian tidak jelas kerana kawasan gelap. Cuma ada cahaya lampu kecil iaitu lampu parking dari pick-up.

I

Tempat itu kawasan estet.

Selepas letakkan simati di tepi jalan T1 memandu pick-up dan beredar dari situ.

(Lihat m/s 43-45 nota keterangan)

**Analisa Kes Pendakwaan**

*Kredibiliti SP12 Sebagai Saksi*

**[10]** SP12 telah disoalbalas oleh peguambela selama dua hari untuk menggugat kredibiliti keterangan SP12.

**[11]** SP12 mengatakan beliau telah ditangkap dan direman 14 hari kerana disyaki terlibat dalam kes bunuh tersebut. Beliau mengatakan beliau telah dipukul oleh polis dalam soalsiasat. Kesempatan ini telah diambil oleh peguambela untuk mengemukakan soalan-soalan berikut untuk menunjukkan kepada mahkamah bahawa keterangan SP12 bukanlah sukarela tetapi dipaksa memberi keterangan sedemikian rupa untuk melepaskan dirinya.

Q: Kamu tidak hairan kamu diseksa.

A: Saya tidak hairan.

Q: Kenapa tidak hairan.

A: Kerana ini soalsiasat.

Q: Kamu mengadu kepada pegawai yang kamu diseksa.

A: Tidak.

Saya ditahan kerana kes 302 - saya disyaki terlibat.

K: Oleh kerana kamu ditahan dibawah s. 302 dan diseksa kamu sanggup bekerjsama dengan polis supaya kamu dibebaskan.

A: Saya sudah bersumpah di Mahkamah jadi saya cakap apa yang saya nampak pada malam kejadian itu.

(Lihat m/s 49-50 Nota Keterangan)

**[12]** Jelas di sini peguam tertuduh gagal untuk memusnahkan kredibiliti SP12.

**[13]** Pembelaan juga cuba mencabar kredibiliti keterangan SP12 dengan mengatakan beliau terlalu mabuk dan tidak tahu apa yang berlaku.

**[14]** SP12 mengaku beliau mabuk tetapi menafikan beliau telah jatuh terbaring di tepi jalan di restoran makanan laut di Serdang.

**[15]** SP15 (pegawai penyiasat) mengatakan ada saksi awam yang melihat SP12 telah terjatuh dan terpaksa dipapah naik keatas pick-up. Bagaimanapun SP12 telah menjawab persoalan ini melalui keterangan berikut:

Q: Kamu bertiga mabuk.

A: Saya mabuk tetapi boleh control, masih boleh ingat.

(Lihat Nota Keterangan m/s 51)

…

Pada malam itu saya memang mabuk tetapi boleh lagi ingat apa yang berlaku. Keterangan saya di Mahkamah dan statement kepada polis semasa reman adalah sama.

Statement saya dalam reman saya beri secara sukarela.

(Lihat m/s 54 Nota Keterangan)

Q: Kamu baring balik kerana kamu dalam keadaan pening-pening.

A: Ya.

Ya, ketika itu saya dalam keadaan mabuk.

…

K: Selepas keluar dari restoran seafood di Serdang kamu dalam keadaan agak mabuk.

A: Mabuklah tetapi tidak serius.

(Lihat m/s 55 Nota Keterangan)

Semasa di soal semula, SP12 mengatakan:

Q: Dalam pemeriksaan balas kamu ada kata kamu mabuk tetapi masih boleh ingat apa yang berlaku – macam mana boleh ingat.

A: Saya cuma mabuk ringan saja, masih boleh ingat apa yang berlaku.

Saya telah mula minum arak sejak tahun 1970an tetapi tidak kuat. Mula minum dengan kuat sejak tahun 1980an.

Q: Apakah yang kamu maksudkan mabuk ringan.

A: Malam itu saya mabuk ringan. Maksudnya masih sedarkan diri. Mabuk berat lupakan diri. Bila mabuk ringan saya boleh control diri – sedar orang marah atau maki kita.

(Lihat m/s 61-62 Nota Keterangan)

**[16]** Kesimpulannya walaupun SP12 mabuk beliau masih boleh mengetahui apa yang berlaku kerana beliau adalah seorang 'experienced drinker' di mana beliau telah mula minum minuman keras sejak 1970an.

**[17]** Dalam kes *Francis Anthonysamy v. PP* [2005] 2 AMR 750 @ 778 Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa:

> Scientific evidence to prove intoxication can be provided by an analysis of blood and urine samples which will show the level of alcohol in the body. However it must observed that such results are not conclusive to determine the degree of intoxication of a person. As Chao Hick Tin JC said in *PP v. Ramasamy a/l Sebastian* [1991] 1 MLJ 75 at p 81:
>
> In any event, from the evidence of the experts, the blood alcohol level itself can never be conclusive to determine the degree of intoxication of the accused. Different people react differently to the same blood alcohol level. It makes a great difference whether the person is or is not an experienced drinker. In our judgment, and here we accept the opinion of Dr Chan (PW15), the more reliable indicator of the state of mind of the accused must be the conduct of the accused immediately prior to and after the offence.

**[18]** Jatuh terbaring (walaupun tidak akui oleh SP12) tidak bermakna SP12 dalam keadaan terlalu mabuk sehingga tidak sedar apa yang berlaku di sekitarnya. Keterangan beliau dari restoran makanan laut, di Selama, Perak, sehingga ketempat kejadian – adalah jelas. Keterangan SP12 bahawa T1 yang memandu pick-up, Lim duduk di sebelah T1, simati berbaring di tempat duduk di belakang T1, beliau dan T2 berbaring di belakang pick-up, pick-up kemudiannya berhenti di sekatan jalanraya – semua keterangan SP12 ini disokong oleh T1, T2 dan Lim Tee San dan dua anggota polis SP7 dan SP8 yang membuat sekatan jalanraya. Ini

menunjukkan walaupun SP12 mabuk beliau masih boleh mengawal dirinya serta sedar dan tahu apa yang berlaku disekelilingnya. Beliau adalah seorang saksi yang bercakap benar.

**[19]** Isu yang sama juga telah disentuh oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kenneth Fook Mun Lee v. PP* [2006] 4 CLJ 359 @ 391-393.

**[20]** Peguambela juga cuba mencadangkan kepada SP12 bahawa:

K: Kamu beri keterangan ini adalah untuk melepaskan diri kamu dari dituduh di Mahkamah dan semua keterangan kamu di Mahkamah adalah rekaan.

A: Tidak setuju.

(Lihat m/s 59 Nota Keterangan)

**[21]** Adalah menghairankan bagaimanakah peguambela yang bijaksana ini boleh mencadangkan sedemikian sedangkan T1 dan T2 sendiri tidak pernah mengatakan SP12 terlibat dalam pembunuhan simati. Ini adalah suatu cadangan yang tidak mempunyai asas, malah ianya suatu cadangan yang liar.

**[22]** Sekiranya SP12 benar-benar ingin melepaskan dirinya dari pertuduhan sudah tentu beliau akan mengatakan T2 turut terlibat sama dalam pembunuhan itu untuk menguatkan lagi kes pendakwaan. SP12 langsung tidak mengaitkan T2 dalam pembunuhan tersebut. Malah menurutnya semasa melihat T1 menghayun objek ke arah belakang kabin pick-up T2 ada terbaring bersamanya di belakang pick-up. Jadi di manakah keperluan SP12 untuk berbohong untuk melepaskan diri.

**[23]** Mahkamah ini juga yakin dengan keterangan SP12. Beliau hanya memberitahu mahkamah apa yang beliau lihat dan dengar pada malam itu. Beliau mengatakan setelah pick-up berhenti beliau melihat T1 berada di sebelah kanan pick-up menghayun sesuatu objek seperti kayu atau besi panjang lebihkurang 1 kaki kearah kepala simati ditempat duduk di mana simati terbaring dan kemudian terdengar jeritan 'ayo, ayo'. Sekiranya SP12 ingin melepaskan dirinya, beliau boleh berbohong dengan mengatakan yang beliau melihat T1 menghayun parang keatas kepala simati dan T2 turut terlibat sama.

**[24]** Dari pengamatan mahkamah selepas SP12 di soal balas bertubi-tubi selama dua hari dan meneliti demeanour SP12 ketika memberi keterangan, mahkamah berpuashati SP12 adalah seorang saksi yang bercakap benar. Keterangannya adalah jelas dan tegas. Beliau hanya memberitahu apa yang beliau lihat dan dengar. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan dari keputusan kes ini. Kredibilitinya sebagai saksi langsung tidak tergugat.

**[25]** Disamping itu terdapat juga keterangan bebas yang menyokong keterangan SP12.

**[26]** SP16, ahli kimia dan pakar DNA mengesahkan darah yang terdapat pada dua contoh swab P9A adalah dari sumber yang sama dengan darah yang terdapat pada buku yellow pages (P23A) iaitu darah simati. Ini berdasarkan laporan kimia (P30).

**[27]** Berdasarkan keputusan DNA ini dapat disimpulkan bahawa darah yang terdapat pada buku yellow pages itu adalah darah simati. Manakala corak atau patent darah tersebut adalah berkeadaan terpercik.

**[28]** Keputusan DNA ini menyokong keterangan SP12 yang beliau melihat T1 berdiri diluar tepi sebelah kanan pick-up menghayun objek seperti kayu atau besi di dalam kabin tempat duduk belakang pick-up. Ketika itu pintu belakang kiri dan kanan pick-up terbuka. Simati ketika berbaring di tempat duduk belakang dengan kepala menghala ke pintu kanan.

**[29]** Keterangan SP12 juga diperkukuhkan lagi dengan gambar P3K dan T yang menunjukkan buku yellow pages P23A yang mengandungi percikan darah simati di belakang tempat duduk pemandu iaitu di sebelah kanan di mana kepala simati berada. Keterangan ini tidak dicabar oleh pembelaan.

**Adakah SP12 Rakan Sejenayah Ataupun 'An Accessory After The Fact'**

**[30]** Semasa disoalbalas oleh peguambela mengenai tindakan SP12 selepas melihat T1 menghayun objek seperti besi atau kayu ke arah tempat duduk di mana simati terbaring, jawapan SP12 ialah:

A K: Kamu lihat T1 hayun objek dan dengar orang kata 'ayo, ayo' dan 'ane, mari tolong angkat' – apa kamu buat

A: Saya baring semula.

Q: Kamu lihat dan dengar semuanya kenapa tidak turun dan
B siasat apa yang berlaku.

A: Saya tidak mahu masuk campur.

(Lihat m/s 56 dan 57 Nota Keterangan)

C **[31]** Pihak peguambela menghujah bahawa SP12 adalah 'accessory after the fact' dengan merujuk kepada kes *Harcharan Singh & Anor v. PP* [2005] 1 CLJ 11.

**[32]** Dengan hormatnya saya tidak bersetuju dengan hujah
D peguambela. SP12 bukanlah seorang rakan sejenayah ataupun 'accessory after the fact' yang keterangannya memerlukan keterangan sokongan. Ini kerana SP12 tidak terlibat langsung dalam pembunuhan simati sama ada sebelum, semasa ataupun selepas kejadian bunuh berlaku. Tidak ada mana-mana saksi
E pendakwaan mahupun pembelaan yang mengatakan SP12 terlibat dalam kejadian bunuh tersebut. Malah T1 mahupun T2 tidak ada menuduh pembabitan SP12 dan kejadian bunuh tersebut.

**Percanggahan Keterangan SP12 Dengan Keterangan SP15, D4, D3 Dan D2**

F

**[33]** Sememangnya terdapat percanggahan di antara keterangan SP12 dengan keterangan SP15 (pegawai penyiasat kes), kenyataan Lim Tee San di bawah s. 112 KAJ (exh. D4), percakapan beramaran T1 (exh. D2) dan percakapan beramaran T2 (exh. D3).

G

**[34]** Menurut SP15 terdapat saksi yang melihat SP12 terjatuh di tepi jalan kerana mabuk. Begitu juga kenyataan dalam D4, D2 dan D3.

**[35]** Walaupun SP12 dikatakan mabuk keterangan kenyataan Lim
H Tee San dan percakapan beramaran kedua-dua T1 dan T2 menyokong keterangan SP12 dari mula hinggalah sampai ke tempat kejadian. Ini menunjukkan walaupun SP12 mabuk sehingga terjatuh di tepi jalan tetapi beliau masih boleh melihat, berfikir dan mengingati dengan jelas kejadian yang berlaku.

I

**[36]** Oleh itu keterangan yang mengatakan SP12 mabuk sehingga terjatuh di tepi jalan adalah tidak begitu material. Yang penting ialah keterangan beliau sentiasa konsisten dan disokong saksi-saksi lain termasuk T1 dan T2.

## Percakapan Beramaran T1 (D2) Dan T2 (D3)

**[37]** Peguambela yang bijaksana menghujah D2 dan D3 hendaklah diambil kira dengan keterangan-keterangan lain untuk menunjukkan ketidakbersalahan T1 dan T2.

**[38]** Untuk menjawab hujah ini saya ingin memetik keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *PP v. Mansor bin Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233, ms 250:

> In relation to the use of the exculpatory statement of the first respondent (D25), we note that the learned trial judge had used the statement to conclude that Amran occupied room 'K' in the house. Learned counsel for the first respondent had also submitted before us that the first respondent's statement, D25, showed that he (the first respondent) did not negotiate nor did he ask the second respondent to buy the cannabis. With respect, we are of the view that the approach is wrong. A purely exculpatory or self-serving statement is not evidence of the facts stated though it may be admitted to show the reaction or attitude of the accused at the time when he made it. And in considering whether there is a case to answer, the trial judge ought not take into account such a statement as the basis for founding an order of acquittal and discharge.

## Niat Membunuh

**[39]** Menurut SP6, pakar patologi yang melakukan bedah siasat ke atas simati, mengesahkan bahawa jangka waktu kematian ialah di antara 21 Mei 2003 jam 10.20 malam dan 22 Mei 2003 jam 10.20 pagi. Kecederaan yang menyebabkan kematian ialah kecederaan No. 6 dalam laporan bedah siasat (P29) di mana tengkorak simati patah terbenam sekaligus mengoyakkan otaknya di bahagian tersebut. Kecederaan ini adalah akibat daripada daya hentakan yang kuat dari suatu objek yang tumpul, keras dan mempunyai segi seperti batu, kayu atau besi. Selain dari itu terdapat 6 kecederaan di bahagian kepala simati dan terdapat juga 'defensive wounds' yang menunjukkan simati mempertahankan diri semasa pembunuh menyerangnya. Ini menunjukkan penyerang mempunyai niat untuk menyebabkan kematian simati.

**[40]** Peguambela juga mencadangkan bahawa kecederaan yang dialami oleh simati mungkin disebabkan simati adalah mangsa langgar lari ataupun terjatuh sendiri. Bagaimanapun SP6 mengatakan berdasarkan corak dari distribusi kecederaan, beliau berpendapat kecederaan yang dialami simati tidak bersesuaian dengan kecederaan dalam kes langgar lari ataupun jatuh sendiri. Ianya lebih bersesuaian dengan akibat hentakan yang bertubi-tubi.

**Ketiadaan Keterangan Mengenai Motif Pembunuhan**

**[41]** Walaupun motif pembunuhan tidak jelas namun ianya bukanlah satu intipati yang wajib dibuktikan oleh pendakwaan kerana motif adalah dalam pengetahuan khas pesalah.

**[42]** Kewujudan motif hanyalah faktor penyokong kepada kes pendakwaan.

**[43]** Telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 MLJ 232 @ 282 bahawa:

> Although motive is not a necessary ingredient to be established in the offence of murder, it would if shown tend to support the case against an accused so charged.

**Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan**

**[44]** Melalui keterangan SP12, kenyataan Lim Tee San (D4) percakapan beramaran T1 (D2) dan T2 (D3), dan gambar P3K dan T, buku yellow pages (P23A) yang terdapat kesan darah simati dan juga keterangan anggota-anggota polis di sekatan jalanraya (SP7 dan SP8) jelas menunjukkan simati terbaring ditempat duduk di belakang T1. T1 dilihat menghayun objek ke arah tempat duduk belakang dan hanya simati berada di tempat duduk belakang. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah yang dipukul oleh T1 di tempat duduk belakang itu ialah simati.

**[45]** Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan mahkamah ini berpuashati bahawa terdapatnya kes *prima facie* terhadap T1, menurut lunas-lunas yang telah ditetapkan dalam kes *Looi Kow Chaf & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734.

**[46]** Bagaimanapun tidak ada keterangan bahawa T2 terlibat sama dalam melakukan pembunuhan tersebut. Tiada bukti ujudnya perancangan awal (pre-plan) di antara T1 dan T2 dalam melakukan kesalahan tersebut. Malah menurut SP12, T2 sentiasa berada bersama-samanya di belakang pick-up ketika kejadian bunuh berlaku. Mahkamah memutuskan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan ujudnya niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan.

**[47]** Dengan ini mahkamah membebaskan T2 dari pertuduhan ini.

**[48]** T1 telah dipanggil membela diri di atas pertuduhan pindaan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 21 Mei 2002 jam lebih kurang 11.30 malam hingga 22 Mei 2003 jam lebih kurang 7.00 pagi bertempat di hadapan pintu pagar ladang Gagoss Sdn. Bhd, Jalan Lampin, Selama, Perak di dalam Daerah Larut Matang (Selama) dalam Negeri Perak, telah melakukan satu pembunuhan dengan menyebabkan kematian ke atas Suppiah Kamaraj, No. KP R 356565. Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

**[49]** Setelah pertuduhan pindaan ini di bacakan dan diterangkan kepadanya, T1 telah minta dibicarakan.

## Pembelaan T1

**[50]** Secara umumnya keterangan yang diberikan oleh T1 adalah sama dengan keterangan yang diberikan oleh SP12. Bagaimanapun beliau mempertikaikan keterangan SP12 yang mengatakan beliau ada menghayun besi atau kayu ke arah kepala simati yang tidur di belakang tempat duduk pemandu.

**[51]** Menurut keterangan T1:

> Pada 21.5.03 pada sebelah petang saya berada di rumah saya di Parit Buntar selepas balik dari kerja.
>
> Pada masa itu saya peniaga todi.
>
> Pada petang itu saya, Poopalasingam, Lim Tee San dan Zainal ke kedai todi bapa saya di Selama, Perak dan mengambil Kamaraj (simati).

A Kami semua ke tapak kedai todi untuk dibersihkan.

Selepas selesai kerja kami ke sebuah restoran di Selama, Kedah lebihkurang 8.30 malam untuk makan malam.

Di tapak baru itu simati dan Zainal minum minuman keras cap
B 999. Lim Tee San tidak minum.

Di restoran di Selama, Kedah, kami pesan makanan dan pesan minuman keras. Disitu semua orang minum kecuali saya. Saya memang tidak minum minuman keras.

C Kemudian mereka itu beritahu saya yang makanan di restoran itu tidak sedap.

Mereka cadangkan kami makan di restoran di Serdang.

Kami semua ke restoran di Serdang. Kami order makanan dan
D minuman keras.

Mereka semua minum minuman keras kecuali saya.

Zainal kata ia hendak buang air kecil. Saya nampak ia mabuk.

E Zainal tidak balik. Kami mencari beliau. Kami jumpa dia di hadapan balai polis lama di Serdang di tepi jalan dalam keadaan tertiarap.

Kami bantu dia masuk ke dalam pick-up saya - di bahagian belakang (terbuka).

F

Kami bergerak dalam pick-up seperti dalam gambar P3A, B.

Selepas Zainal dimasukkan ke dalam pick-up kami ke Selama, Perak. Masa itu jam sudah pukul 12.00 malam. Saya memandu pick-up. Lim Tee San duduk di sebelah saya. Simati duduk di
G belakang dalam kabin. Poopalasingam duduk di belakang dengan Zainal.

Dalam perjalanan pick-up kami ditahan polis dua kali di Selama, Kedah dan Selama, Perak.

H Kemudian kami teruskan perjalanan. Saya turunkan simati di kawasan kedai todi di Selama, Perak kerana simati hendak turun disitu. Simati juga mabuk. Waktu itu jam lebih kurang 12.30 malam.

Kami, iaitu saya, Poopalasingam, Lim Tee San dan Zainal balik
I ke rumah saya di Parit Buntar.

Di rumah saya, Lim Tee San terus balik ke rumahnya naik motosikal. Oleh kerana terlalu mabuk Zainal terus tidur di belakang pick-up. Poopalasingam balik ke rumahnya.

Saya tidur di rumah saya. Pada keesokan harinya 22.5.03 ketika balik ke rumah dan tempat kerja lebihkurang 12.30 tengahari polis datang dan tangkap saya. Polis tidak beritahu saya sebab saya dibawa ke Balai Polis Selama, Perak dan ditahan.

Q: Malam itu dalam perjalanan balik ke Selama, Perak ada kamu berhenti di jambatan Selama, Kedah.

A: Tidak ada.

Q: Ada kamu masuk mana-mana kawasan ladang.

A: Tidak.

Q: Adakah kamu menghayun sesuatu objek ke dalam kabin.

A: Tidak ada.

Q: Adakah kamu pada malam itu mencederakan simati.

A: Tidak.

Q: Adakah kamu pada bila-bila masa bersama Lim Tee San dan Poopalasingam mengangkat simati keluar dari kabin dan letakkan simati di tepi jalan.

A: Tidak.

Selepas turunkan simati pada malam itu saya tidak tahu apa yang berlaku kepadanya.

Selepas ditangkap polis saya tahu bahawa simati telah meninggal dunia.

Saya tidak membunuh simati pada malam itu.

Dalam tahanan polis, saya ada beri statement kepada polis. D2 adalah statement saya. Saya sahkan kandungan D2.

(Lihat m/s 129-132 Nota Keterangan)

**[52]** Selanjutnya semasa disoalbalas oleh TPR, T1 mengatakan:

Selepas makan di Serdang kami balik semula ke Selama untuk hantar simati ke tempat kongsi.

K: Apabila balik dari Serdang kamu sepatutnya hantar simati ke rumah bapa kamu di Serdang bukan ke Selama.

A: Simati yang minta saya hantarnya balik ke rumah kongsi kerana dia mabuk. Ia takut balik ke rumah dalam keadaan mabuk, takut dimarahi ayah saya. Ya, dalam perjalanan ke Selama pick-up saya telah ditahan polis di satu road block.

Q: Kamu ditahan polis sekali saja bukan dua kali.

A: Dua kali.

Ya, dalam perjalanan ke Selama. Saya dan Lim Tee San duduk didepan, simati baring di seat belakang dalam kabin. Poopalasingam dan SP12 duduk di belakang di ruang terbuka.

Dalam perjalanan balik ke Selama, Poopalasingam juga dalam keadaan mabuk.

K: Apabila sampai di Selama kamu tidak turunkan simati di rumah kongsi sebaliknya kamu bawa simati ke ladang Gagoss seperti di gambar P1A-V.

A: Saya turunkan simati betul-betul di hadapan pintu pagar gambar P1M.

(Lihat m/s 134-135 nota keterangan)

**[53]** Adalah jelas pembelaan T1 ialah suatu penafian semata-mata. Beliau menafikan telah mencederakan simati seperti yang diberitahu oleh SP12 kepada mahkamah. Bagaimanapun T1 semasa di soal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya telah mengesahkan bahawa SP12 tidak mempunyai sebab untuk menganiayanya. Keterangannya yang relevan ialah di m/s 133 nota keterangan:

Saya telah kenal SP12 dua tahun sebelum Mei, 2003.

SP12 bekerja dengan saya sebagai pencuci kereta sejak 2 tahun sebelum kejadian.

Saya bayar dia RM10/- sehari. Kadang-kadang lebih. Makan 3 kali sehari saya tanggung termasuk minuman.

Selain mencuci kereta, SP12 juga menolong saya membuat anti rust pada lori

Saya ada belanja dia minum arak.

K: SP12 tidak ada sebab untuk mengenakan kamu kerana kamu telah melayannya dengan baik.

A: Setuju.

## Keterangan SD2

**[54]** Pihak pembelaan telah memanggil T2 yang telah dibebaskan dari pertuduhan sebagai saksi (SD2).

**[55]** SD2 adalah saksi yang berkepentingan kerana T1 adalah adiknya. Telah diputuskan di dalam kes *Balasingam v. PP* [1959] 25 MLJ 193 bahawa:

> There is no legal presumption that an interested witness should not be believed. He is entitled to credence until cogent reasons for disbelief can be advanced in the light of evidence to the contrary and the surrounding circumstances.

**[56]** Keterangan SD2 perlu dipertimbangkan dengan teliti.

**[57]** Keterangan awal SD2 adalah sama seperti keterangan SP12 dimana beliau mengatakan:

> Ketika kami sedang minum, simati memberitahu saya bahawa beliau ingin balik ke India.
>
> Kemudian simati minta kepada saya supaya beliau dihantar ke tempat kongsi. Kami pun bertolak ke Selama, Perak.
>
> T1 memandu pick-up, Lim Tee San duduk disebelahnya. Simati duduk di belakang driver dalam kabin.
>
> Saya dan SP12 duduk dibelakang pick-up. Saya dan SP12 dalam keadaan berbaring.
>
> Pick-up menuju ke arah Selama, Perak.
>
> Dalam perjalanan SP12 telah menjerit dan melompat dalam pick-up.
>
> Selepas saya terjaga saya lihat ada sekatan jalan raya oleh polis.
>
> Selepas itu kami meneruskan perjalanan.
>
> Selepas itu T1 kejutkan saya dari tidur dan saya bangun dan dapati kami sudah sampai di rumah bapa saya di Parit Buntar.

Q: Selepas melepasi road block ada pick-up berhenti di mana-mana.

A: Saya tidak tahu.

Saya tidak tahu dimana si mati turun dari pick-up.

Q: Adakah pick-up berhenti dan Lim Tee San kata "Ane mari tolong angkat".

A: Tidak ada.

Q: Adakah dalam perjalanan selepas road block kamu tolong Lim Tee San dan Tertuduh 1 turunkan simati dari pick-up.

A: Tidak ada.

Q: Pada malam 21.3.05 antara jam 11.30 malam sehingga 22.3.05 jam 7.00 pagi adakah kamu melihat Tertuduh 1 menghayun objek dalam pick-up itu.

A: Tidak ada.

Q: Adakah kamu dengar 'ayo, ayo' dari pick-up semasa dalam perjalanan ke Selama.

A: Tidak ada.

(Lihat m/s 141-143 nota keterangan)

**[58]** SD2 kemudiannya melalui peguambela cuba membuat permohonan untuk membetulkan kandungan percakapan beramarannya (D3) di ms 4 baris 48-53 yang berbunyi:

> Kumaran (Tertuduh 1) telah memandu motokar ke arah Selama. Kemudian motokar telah berhenti kerana ada sekatan jalan raya. Masa itu Non (SP12) ada buat kecoh sedikit dan saya juga turun dari kereta. *Selepas itu kami meneruskan perjalanan. Lepas lebih kurang 15 minit perjalanan, dan dapati motokar TATA itu telah berhenti di satu tempat. Kemudian kereta itu telah berundur sedikit (masa itu kepala saya terhantuk sedikit) dan berhenti. Selepas lebih kurang 10 minit, saya dengar bunyi pintu kereta di tutup.*

**[59]** Ayat yang ditekankan ialah ayat yang hendak dipinda oleh SD2 kepada:

> Apa yang berlaku ialah selepas sekatan polis, saya terus tertidur hingga sampai ke rumah.

**[60]** Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah membantah permohonan untuk membuat pindaan ini.

**[61]** [Mahkamah telah mengarahkan kedua-dua Timbalan Pendakwa Raya dan peguambela berhujjah mengenai isu pindaan ini di akhir kes pembelaan. Bagaimanapun kedua-dua pihak tidak membuat sebarang hujjah mengenainya. Mahkamah menganggap pihak pembelaan tidak lagi ingin meneruskan dengan ini.]

**[62]** Apa yang jelas ialah percubaan SD2 untuk meminda percakapan di atas adalah kerana percakapan asalnya itu menyokong keterangan SP12 yang mengatakan:

> Saya rasa pick-up jalan terhoyong-hayang. Saya percaya pick-up ikut jalan track, melalui jalan gelap. Bila sampai di satu tempat pick-up itu berhenti.

(Lihat m/s 43 nota keterangan).

**[63]** Ini adalah satu percubaan oleh SD2 untuk menyelamatkan T1 dari pertuduhan membunuh. SD2 adalah saksi yang mepunyai kepentingan.

**[64]** Bagaimanapun percubaan SD2 boleh memakan dirinya sendiri dan melemahkan kes pembelaan. Sekiranya selepas sekatan polis beliau terus tertidur hingga sampai ke rumah bermakna keterangan SD2 seperti berikut adalah tidak benar:

> Q: Adakah pick-up berhenti dan Lim Tee San kata 'Ane, mari tolong angkat'
>
> A: Tidak ada.
>
> Q: Adakah dalam perjalanan selepas road block kamu tolong Lim Tee San dan Tertuduh 1 turunkan simati dari pick-up.
>
> A: Tidak ada.
>
> Q: Pada malam 21.3.05 antarajam 11.30 malam sehingga 22.3.05 jam 7.00 pagi adakah kamu melihat Tertuduh 1 menghayun objek dalam pick-up itu.
>
> A: Tidak ada.
>
> Q: Adakah kamu dengar 'ayo ayo' dari pick-up semasa dalam perjalanan ke Selama.
>
> A: Tidak ada.
>
> (Lihat m/s 142, 143 nota keterangan)

**[65]** Jawapan-jawapan SD2 kepada soalan-soalan di atas sepatutnya ialah tidak tahu, bukannya tidak ada, kerana beliau tertidur dan tidak mengetahui apa yang berlaku. Bermakna keterangan SD2 di atas adalah bohong belaka.

**[66]** Ini jelas menunjukkan SD2 adalah saksi yang berkepentingan yang ingin menyelamatkan T1 (adiknya) dari pertuduhan yang begitu serius yang jika disabitkan boleh membawa hukuman mati.

**Kegagalan Pihak Pendakwaan Memanggil Lim Tee San (Lim)**

**[67]** Menurut SP12, 'Semasa T1 menghayunkan objek saya cuma melihat Lim berdiri saya di hujung kaki simati. Selepas T1 menghayunkan objek beberapa kali SP12 mendengar Lim berteriak 'Ane, mari tolong angkat' kepada Tertuduh 2 yang berada di belakang pick-up. Saya lihat Lim, T2 dan T1 mengangkat badan simati keluar dari cabin pick-up dan meletakkannya ditepi jalan'. (m/s 45 nota keterangan)

**[68]** Lim telah ditangkap pada 22 Mei 2003 kemudiannya di bebaskan dengan ikat jamin polis.

**[69]** Diakhir kes pendakwaan Lim tidak di tawarkan kepada pihak pembelaan kerana beliau tidak dapat dikesan. Peguambela menggesa mahkamah mengguna pakai peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan terhadap kes pendakwaan kerana kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan Lim sebagai saksi.

**[70]** Bagaimanapun kenyataan Lim di bawah s. 112 Kanun Acara Jenayah telah dikemukakan sebagai exh. D4 oleh pihak peguambela melalui SP15.

**[71]** Sebelum s. 114(g) Akta Keterangan terpakai pihak pembelaan perlu menunjukkan adakah lompang (gap) telah wujud dalam kes pendakwaan apabila Lim gagal dipanggil memberi keterangan. Ini gagal dilakukan oleh pihak pembelaan. Sebaliknya kenyataan D4 oleh Lim menyokong keterangan SP12 mengenai rentetan kejadian pada hari kejadian. Cuma apabila sampai diperingkat pembunuhan simati, Lim menjauhkan dirinya (distant himself away) dari kejadian itu. Beliau memberitahu beliau telah diturunkan di satu tempat kerana T1 hendak menghantar simati ke rumah kongsi. T2 dan SP12 ikut serta dengan T1. Ini tidak membantu kes pembelaan. T1 sendiri tidak ada pada bila-bila masapun melibatkan peranan Lim dalam kejadian tersebut.

**[72]** Berdasarkan alasan-alasan di atas saya menolak pemakaian s. 114(g) Akta Keterangan ke atas kes pendakwaan apabila Lim gagal dipanggil atau ditawarkan secara fizikal kepada pihak pembelaan.

## Kesimpulan

**[73]** Setelah memberikan penilaian yang maksima ke atas keseluruhan keterangan-keterangan yang dikemukakan di mahkamah ini, saya berpuashati bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Dengan ini pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka terhadap T1 tanpa sebarang keraguan yang munasabah seperti yang di tuntut di bawah s. 182A Kanun Acara Jenayah.

**[74]** Dengan ini T1 didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan pindaan.

**[75]** Setelah menimbangkan rayuan yang dikemukakan oleh T1 saya menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas T1.